

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme
Sent: Wednesday, October 31, 2018 3:25 PM
To: UUM - All Staff; 'student@gsgsg.uum.edu.my' (student@gsgsg.uum.edu.my)
Cc: Prof. Dr. Mohd Kamarulizam Bin Abdullah; Prof. Madya Dr. Badariah binti Haji Din; Dr. Noor Azimin Binti Zainol; Mohd Sukri bin Othman
Subject: PROGRAM LATIHAN EKSEKUTIF "Refreshing Executive Programme for Teachers" di Kuala Lumpur



Ghazali Shafie
Graduate School
of Government

Universiti Utara Malaysia



Serving the Global Community

31 OKTOBER 2018 / 22 SAFAR 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



GSEEP ONLINE : "Refreshing Executive Programme for Teachers" anjuran Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme (GSEEP) bersama peserta daripada Bandung, Indonesia melalui Yayasan Pendidikan Dasar Menengah Pasundan (YPDMP) telah berlangsung pada 25 hingga 27 Oktober 2018 (Khamis hingga Sabtu) bertempat di EDC Hotel, Kuala Lumpur.

Program eksekutif ini bertemakan *Executive Programme And Comparative Study* telah dihadiri oleh 16 Orang pengetua serta 2 orang pengiring. Majlis dimulakan dengan ketibaan peserta di KLIA 2 disambut oleh Pengarah GSEEP, Dr. Noor Azimin Zainol dan sesi salam perkenalan di antara peserta dan pegawai-pegawai GSEEP. Semua peserta yang terlibat adalah di kalangan Pengetua sekolah menengah di Pasundan, Bandung.

Sesi pertama program ini ialah lawatan kerja di sekitar Putrajaya dan makan tengahari di kafe BoraOmbak Putrajaya. Peserta sangat teruja dengan keindahan dan keunikan pembangunan kawasan pentadbiran persekutuan Malaysia.

Dalam sesi hari yang pertama juga diadakan lawatan kerja sekitar Kuala Lumpur iaitu melawat Istana Negara, Dataran Merdeka, Central Market dan KLCC. Acara penutup untuk 25 Oktober, pihak GSEEP telah menyediakan 1 sesi latihan eksekutif pada malam berkenaan mengenai dasar pendidikan Malaysia oleh penceramah jemputan, Dr. Nira Hariyatie Hartani. Sesi latihan ini juga turut membincangkan dasar pendidikan di negara Indonesia serta sesi perbincangan juga diadakan antara penceramah dan peserta.

Hari berikutnya, pihak GSEEP telah megaturkan program lawatan penandaaras ke sekolah menengah cemerlang di Kuala Lumpur iaitu Sekolah Menengah Seri Bintang Selatan (SMKSBS), Cheras. Peserta program ini disambut baik oleh para guru sekolah dan murid-muridnya. Satu slot tarian menyambut tetamu juga disajikan kepada kumpulan peserta ini. Program di sekolah ini diketuai oleh Pn. Salina Binti Abdul Manaf, Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum.

Majlis kemudian berakhir dengan penukaran cenderahati antara pihak UUM, SMKSBS, YPDMP dan sedikit jamuan makan tengahari sebelum rombongan bergerak ke Johor Bahru untuk aktiviti lawatan kerja ke Singapura pula.

Ghazali Shafie Executive Enhancement Programme

UUM COLGIS | Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |

Tel: +604928771/7766 | Fax: +6049287799 | Email: gsgsg@uum.edu.my

Website : gseep.uum.edu.my | Facebook : Ghazali Shafie Graduate School of Government



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.